

## **KREATIVITI MENERUSI LAGU RAKYAT MASYARAKAT ORANG ASLI SEBAGAI BAHAN PEMBELAJARAN ASAS LITERASI : TINJAUAN AWAL**

**Siti Nor Khalis Harun Narasid, Mohd Nazri Abdul Rahman(PhD)**

Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya

mohdnazri\_ar@um.edu.my

### **Abstrak**

Lagu rakyat sebagai medium pembelajaran asas literasi merupakan satu usaha melestarikan seni budaya dan jati diri kanak-kanak Orang Asli. Kajian ini meninjau kreativiti guru dan isu pendidikan kanak-kanak Orang Asli di Malaysia. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti kesesuaian kreativiti menerusi lagu rakyat sebagai medium pembelajaran asas literasi bagi kanak-kanak Orang Asli. Pendekatan temubual digunakan untuk mengenal pasti kesesuaian kreativiti dalam Lagu Rakyat Masyarakat Orang Asli sebagai medium pengajaran dan pembelajaran asas literasi bagi kanak-kanak Orang Asli. Kutipan data dijalankan kepada 8 pakar iaitu Guru Prasekolah, guru bahasa Malaysia, pakar pendidikan Orang Asli serta Guru Pendidikan Muzik. Dapatan temubual dengan pakar mendapati beberapa lagu rakyat sesuai digunakan dengan beberapa adaptasi sebagai medium pembelajaran asas literasi bagi memenuhi keperluan pendidikan kanak-kanak Orang Asli. Oleh itu, penyelidik mencadangkan pembangunan modul Pembelajaran Asas Literasi Berasaskan lagu rakyat Orang Asli dibangunkan bagi memulihara dan memelihara amalan dan tradisi lagu rakyat masyarakat Orang Asli dan seterusnya meningkatkan kemahiran asas literasi kanak-kanak.

Kata Kunci: Literasi, Lagu Rakyat, Pendidikan Kanak-kanak Orang Asli

### **1.0 PENGENALAN**

Transformasi pendidikan negara kini telah memasuki gelombang ke-2 (2016-2020) ke arah melaksanakan perubahan struktur pendidikan bagi melonjak perubahan pendidikan bagi merealisasikan pencapaian kualiti pengajaran dan pembelajaran. Namun, masih terdapat segelintir masyarakat terutamanya etnik minoriti Orang Asli yang terpinggir dan tercicir walaupun dunia sibuk dengan isu peluang pendidikan yang berkualiti dan kesaksamaan pendidikan. Era globalisasi meletakkan Malaysia berhadapan dengan pelbagai cabaran. Untuk menjadi sebuah negara membangun, rakyat Malaysia perlu meningkatkan daya saing dan meningkatkan kualiti pendidikan negara bertaraf dunia.

Kanak-kanak prasekolah sering berdepan dengan masalah menguasai kemahiran membaca pada peringkat awal. Kanak-kanak di pedalaman juga khususnya Masyarakat Orang Asli mengalami masalah yang sama dalam menguasai kemahiran literasi awal. Orang Asli telah hidup di dalam masyarakat yang terasing dan kurang mendapat perkhidmatan sempurna terutama pendidikan dan kesihatan. Kedudukan geografi yang terletak jauh di pedalaman telah mengukuhkan pemikiran di kebanyakan masyarakat orang asli bahawa tiada faedah untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah. Mengikut perangkaan, terdapat lebih kurang 80 peratus kanak-kanak Orang Asli yang tidak pernah menamatkan persekolahan di peringkat sekolah menengah (Utusan Malaysia, Mei 2007).

Justeru, isu pendidikan kanak-kanak Orang Asli dan menarik minat mereka untuk belajar dan ke sekolah perlu diberi perhatian serius oleh semua pihak. Usaha untuk membangunkan penggunaan bahan sumber berasaskan tradisi masyarakat Orang Asli sebagai sumber pembelajaran kanak-kanak Orang Asli perlu dipergiatkan sebagai salah satu cara menarik kanak-kanak Orang Asli ke Sekolah.

Masyarakat Orang Asli mendiami kawasan pedalaman dan kawasan-kawasan di pinggirannya di Semenanjung Malaysia terdiri daripada tiga kelompok utama iaitu masyarakat Orang Asli Senoi, Negrito dan Melayu Proto. Masyarakat ini kaya dengan pelbagai khazanah tradisi dan kreativiti tersendiri yang boleh dibangunkan sebagai sumber pengajaran dan pembelajaran bagi kanak-kanak. Contohnya lagu rakyat Orang Asli seperti Sewang. Walaupun, terdapat persembahan berbentuk ritual yang merangkumi tarian, teater, memuja semangat dan roh dipercayai mempengaruhi kehidupan sesuatu suku kaum Orang Asli bagi memenuhi pelbagai

tujuan (Zakaria bin Khalid, 2007) namun, ia dapat disesuaikan dengan konteks pendidikan. Persoalannya, apakah bentuk lagu serta konsep muzik tradisi Orang Asli yang sesuai untuk dibangunkan sebagai bahan pembelajaran literasi kepada kanak-kanak Orang Asli?

## 2.0 PENYATAAN MASALAH

Isu masyarakat Orang Asli ini merangkumi isu akademik, sahsiah, penguasaan bahasa psikologi dan sosiobudaya malah isu ekonomi. Namun pendidikan merupakan asas yang kukuh menjadi nadi kepada sesebuah pembangunan masyarakat. Sistem pendidikan Malaysia berhasrat merapatkan separuh jurang sosioekonomi, antara bandar dengan luar bandar, dan gender dalam pencapaian murid menjelang 2020. Pengurangan jurang sosioekonomi dan antara bandar dengan luar bandar dijangkakan memberi impak terhadap jurang pencapaian antara negeri dan jenis sekolah. Justeru kerajaan telah melancarkan Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025 yang bukan sahaja memberi fokus kepada meningkatkan kadar literasi dan numerasi, infrastruktur dan infostruktur pendidikan tetapi juga meluaskan akses pendidikan berkualiti ke arah menangani isu dan cabaran pendidikan hari ini dalam memenuhi tuntutan pasaran ekonomi global (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, 2013-2025). Komuniti Orang Asli tidak disisihkan, kesinambungan Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025 ini, kerajaan telah melancarkan Pelan Lima Tahun Transformasi Pendidikan Orang Asli (2013-2018) yang bertujuan memberikan peluang pendidikan yang relevan dengan keperluan kanak-kanak Orang Asli dan Penan.

Pendidikan Prasekolah menyediakan pengalaman pembelajaran kanak-kanak yang berumur 4-6 tahun dalam jangka masa satu tahun atau lebih sebelum masuk ke Tahun Satu di sekolah formal. Ini bermakna semua golongan kanak-kanak termasuk Masyarakat Orang Asli tidak terkecuali menyertai program pendidikan Prasekolah ini. Pendidikan Orang Asli mampu ditingkatkan ke tahap yang lebih baik kerana dasar pendidikan negara yang sentiasa menyokong golongan ini untuk maju dan memperbaiki peluang untuk masa hadapan (Abdul Razaq Ahmad, Pang Shiau Wai, Ahmad Ali Seman, Nor Aniza Ahmad, 2009). Kadar literasi dan numerasi yang rendah dalam kalangan kanak-kanak Orang Asli yang langsung tidak bersekolah (Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, 2009; Kementerian Pelajaran Malaysia, 2010) menjadi faktor keciciran dalam kalangan mereka.

Isu buta huruf dalam kalangan kanak-kanak Orang Asli. Isu buta huruf ini juga telah merentasi sempadan dunia di mana 885 juta penduduk dunia yang berumur 15 tahun ke atas adalah buta huruf (UNESCO, 2008). Walaupun negara telah mencapai kemerdekaan selama 60 tahun, isu literasi dan numerasi dalam kalangan kanak-kanak terutamanya etnik minoriti Orang Asli masih menjadi agenda nasional.

Isu tahap literasi dan numerasi yang rendah dalam kalangan kanak-kanak Orang Asli serta kadar keciciran kanak-kanak Orang Asli dari persekolahan arus perdana masih terlalu tinggi berbanding purata kebangsaan. Isu celik huruf atau dikenali sebagai penguasaan kemahiran membaca dikalangan kanak-kanak Prasekolah juga di tekankan. Selain itu, sistem pendidikan sekolah atau persekitaran sekolah atau tempat belajar yang tidak bersesuaian dengan budaya anak-anak Orang Asli. Suasana persekolahan sedemikian mendorong anak-anak Orang Asli jadi malas ke sekolah.

Selain itu, isu yang dikenal pasti wujud dalam pendidikan masyarakat Orang Asli ialah masyarakat Orang Asli yang menolak kurikulum yang tidak relevan dengan kehidupan mereka (Norazira Yusof, 2002). Dalam hal ini, perbezaan antara pedagogi pendidikan kebangsaan dengan budaya masyarakat Orang Asli itu sendiri menyebabkan murid Orang Asli tidak berminat untuk mengikuti proses pembelajaran di dalam bilik darjah. (SUHAKAM, 2010).

Justeru, dalam menangani isu pendidikan kanak-kanak Orang Asli yang buta huruf dan tidak tahu membaca, pendekatan dari perspektif yang berbeza seharusnya diterokai. Oleh itu, kajian ini akan meninjau kesesuaian penggunaan Lagu Rakyat Masyarakat Orang Asli sebagai bahan pembelajaran awal literasi kanak-kanak Orang Asli.

### 3.0 TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk untuk mendapatkan tinjauan awal mengenai kreativiti guru dalam penggunaan lagu rakyat Masyarakat Orang Asli sebagai bahan pembelajaran asas literasi kanak-kanak Orang Asli. Persoalan kajian adalah seperti berikut:

“Adakah kreativiti lagu rakyat Orang Asli sesuai dijadikan bahan pengajaran dan pembelajaran asas literasi bagi kanak-kanak Orang Asli?”

### 4.0 REKABENTUK KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan melalui kaedah temubual iaitu *In-depth interview*. Teknik persampelan yang digunakan adalah sampel bertujuan. Proses pengumpulan data dimulakan dengan menemubual 8 orang pakar. Pakar dipilih merangkumi dua orang dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak iaitu Guru Prasekolah, dua orang guru bahasa Malaysia, dua orang pakar pendidikan Orang Asli iaitu pensyarah Orang Asli serta dua orang pakar dalam bidang Lagu Rakyat iaitu Guru Pendidikan Muzik. Proses komunikasi berlangsung berasaskan struktur soalan-soalan temubual untuk kajian ini. Temubual dijalankan secara bersemuka yang melibatkan komunikasi dua hala. Maklumat temubual di rekodkan sebagai data untuk di analisis.

### 5.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Maklum balas yang diperoleh dari proses temubual (In-depth interview) terhadap kreativiti lagu rakyat Orang Asli sesuai dijadikan bahan pengajaran dan pembelajaran asas literasi bagi kanak-kanak Orang Asli adalah berdasarkan kepada soalan kajian berikut:

“Adakah kreativiti lagu rakyat Orang Asli sesuai dijadikan bahan pengajaran dan pembelajaran asas literasi bagi kanak-kanak Orang Asli?”

Dapatan temubual (In-depth Interview dan Focus Group Interview) menunjukkan lagu rakyat masyarakat Orang Asli sesuai dijadikan bahan pengajaran dan pembelajaran asas literasi bagi kanak-kanak Orang Asli berdasarkan kepada aspek berikut:

#### 5.1 Menarik Minat kanak-kanak Orang asli Untuk Belajar

Dapatan temubual menunjukkan bahawa Lagu Rakyat Masyarakat Orang Asli ini sesuai dijadikan bahan pengajaran dan pembelajaran asas literasi bagi kanak-kanak Orang Asli. Lagu rakyat dalam bahasa ibunda mereka sendiri dapat menarik minat anak-anak orang asli datang ke sekolah seterusnya mengikuti pendidikan formal yang berjaya. Ini jelas dibuktikan dengan pernyataan daripada responden ke 6 iaitu :

“Pengajaran dan pembelajaran bahasa yang baik adalah bermula dengan pengajaran dalam bahasa ibunda murid-murid itu sendiri kerana mereka dapat memahami laras bahasa tersebut seterusnya menarik minat dalam diri mereka untuk terus belajar”

Analisis kajian ini menunjukkan bahawa, bahan pembelajaran yang berlatarbelakangkan bahasa ibunda mereka dapat menarik minat mereka untuk terus belajar dan datang ke sekolah. Ini dapat dibuktikan dengan kajian lepas oleh (Fatan Hamamah Yahya, 2008) tidak mahir berbahasa Melayu adalah satu lagi sebab untuk tahap pendidikan yang rendah dalam kalangan orang asli. Kurikulum perlulah berdasarkan tradisi sendiri dan pengalamana masyarakat. Pendidikan formal yang berjaya menarik minat mereka haruslah merangkum faktor-faktor bahasa, budaya, proses sosialisasi masyarakat orang asli.

## 5.2 Mengekalkan Nilai dan Tradisi Masyarakat

Dapatan temubual menunjukkan kreativiti yang terdapat dalam lagu rakyat masyarakat Orang Asli sesuai dijadikan bahan pengajaran dan pembelajaran asas literasi bagi kanak-kanak Orang Asli. Selain dapat menarik minat kanak-kanak untuk belajar literasi awal, ia juga dapat mengekalkan nilai dan tradisi masyarakat Orang Asli dalam kalangan kanak-kanak. Ini jelas diperkatakan oleh Responden 2 :

“Penerapan nilai dan amalan tradisi masyarakat Orang Asli dapat dipelihara dalam kalangan kanak-kanak apabila di digunakan sebagai bahan pengajaran dalam kelas oleh guru”.

Analisis kajian ini menunjukkan bahawa, penggunaan lagu rakyat secara tidak langsung dapat mengekalkan nilai dan tradisi masyarakat dalam kalangan kanak-kanak. Kajian yang dijalankan oleh Mohd Nazri Abdul Rahman, Mariani Md Nor dan Ahmad Shobry Mohd Noor, (2017) menunjukkan bahawa kanak-kanak yang didedahkan dengan lagu rakyat dalam pengajaran dan pembelajaran dapat meningkatkan nilai jati diri serta kebanggaan terhadap tradisi masyarakatnya.

## 5.3 Meningkatkan tahap penguasaan abjad dan suku kata

Dapatan temubual menunjukkan bahan pengajaran dan pembelajaran asas literasi berasaskan Lagu Etnik masyarakat Orang Asli bukan sahaja dapat mengekalkan nilai tradisi masyarakat orang asli, malah ia dapat meningkatkan tahap penguasaan abjad dan suku kata dalam kalangan murid-murid orang asli. Perkara ini disokong oleh pernyataan responden keempat :

“ murid-murid akan lebih cepat mengenal huruf vokal dan konsonan bila guna lagu mereka sendiri. Apabila sudah kenal huruf sekaligus dapat membatangkan suku kata dengan melodi yang biasa mereka guna”

Daripada pernyataan tersebut pengkaji dapat menganalisis data bahawa Lagu Rakyat Masyarakat orang asli ini boleh dijadikan bahan pembelajaran dalam literasi awal kanak-kanak. Kajian tinjauan Lagu-lagu sewang oleh Zakaria bin Khalid (2007) menyatakan bahawa unsur bunyi dan unsur bahasa yang terdapat di dalam lagu Sewang dapat meningkatkan perbendaharaan kata, tarian sewang dapat dijadikan sumber pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di sekolah-sekolah orang asli selain dapat mengetengahkan tarian sewang sebagai satu seni tarian dalam kebudayaan nasional.

## 5.4 Melestarikan Lagu Rakyat Masyarakat Orang Asli

Dapatan temubual menunjukkan kreativiti yang terdapat dalam lagu rakyat masyarakat Orang Asli sesuai dijadikan bagi kanak-kanak Orang Asli. Selain dapat meningkatkan tahap penguasaan huruf dan suku kata dalam literasi awal, ia juga dapat melestarikan dan diterima pakai oleh semua lapisan masyarakat. Ini jelas diperkatakan oleh Responden 3 :

“Amalan pembelajaran Lagu Rakyat dalam pengajaran bahasa ini dapat digunakan oleh murid-murid dalam kelas dan membolehkan generasi seterusnya menerima kembali amalan tersebut bagi keperluan masyarakat mereka”

Pengkaji menganalisis pernyataan ini menunjukkan bahawa, penggunaan lagu rakyat secara tidak langsung dapat diteruskan kesinambungan lagu-lagu dalam kalangan kanak-kanak agar tidak pupus. Lagu ini juga dapat diterima dan diguna pakai oleh generasi akan datang agar tidak hilang (Mukaddes & Agnello, 2009). Pendidikan lestari membolehkan pelajar-pelajar dapat mengintegrasikan pertimbangan persekitaran dalam membuat sebarang keputusan secara lebih berhemah.

## 6.0 KESIMPULAN

Melalui kajian tinjauan ini, pengkaji dapat membuat kesimpulan bahawa kreativiti menerusi Lagu Rakyat Masyarakat Orang Asli adalah amat sesuai dijadikan sebagai bahan pembelajaran Asas Literasi kanak-kanak orang asli.

Hasil dapatan temubual keseluruhan menunjukkan bahawa Lagu Rakyat Orang Asli dapat menarik minat kanak-kanak Orang Asli untuk belajar dan menarik minat mereka untuk ke sekolah. Ini dapat mengurangkan kadar keciciran di sekolah Orang Asli pada masa hadapan. Selain itu, penggunaan Lagu Rakyat orang asli sebagai bahan pembelajaran ini dapat mengekalkan nilai dan tradisi dalam kalangan kanak-kanak masyarakat Orang Asli. Kanak-kanak yang didedahkan dengan lagu rakyat dalam pengajaran dan pembelajaran dapat meningkatkan nilai jati diri serta kebanggaan terhadap tradisi masyarakatnya.

Tambahan pula, Kreativiti Lagu Rakyat sebagai asas kepada bahan pembelajaran Literasi dapat meningkatkan tahap penguasaan bahasa iaitu huruf dan suku kata dalam kalangan kanak-kanak Orang Asli. Ini kerana apabila pembelajaran menggunakan bahasa mereka sendiri maka lebih cepat untuk menguasai pembelajaran tersebut. Selain itu, kreativiti yang terdapat dalam lagu rakyat masyarakat Orang Asli dapat dilestarikan dan diterima pakai oleh semua lapisan masyarakat dan diteruskan oleh generasi akan datang agar tidak pupus. Jadi bahan pembelajaran asas literasi berasaskan Kreativiti Lagu Etnik Masyarakat Orang Asli ini sangat sesuai dibangunkan sebagai sumber pembelajaran kanak-kanak khususnya kanak-kanak Orang Asli.

## PENGHARGAAN

Fundamental Research Grant Scheme (FRGS), FP026-2017A  
Geran Bantuan Kecil Penyelidikan, Universiti Malaya (BK040-2016)

## RUJUKAN

- EDO, JULI A/L (2006) Sewang Orang Asli: Perubahan Tema Dalam Kesenian Rakyat. In: Lagu Rakyat Memupuk Kesantunan Melayu. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Razaq Ahmad & Zalizan Mohd Jelas (2009). Masyarakat Orang Asli : Perspektif Pendidikan dan sosiobudaya. Bangi : Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Abdul Talib Bon. (2003). Kenali kami masyarakat Orang Asli di Malaysia. Batu Pahat :: Penerbit KUI'THO, Johor
- Aniza binti Mohd Said ( 2015) : Model Kurikulum berasaskan Ilmu perubatan Herba Orang Asli untuk Sekolah Rendah Masa Depan : Universiti Malaya
- Mohd Nazri bin Abdul Rahman (2014): Pembangunan Model Homeschooling Berasaskan Nilai Dan Amalan Masyarakat Bagi Kanak-Kanak Orang Asli : Universiti Malaya, Kuala Lumpur
- Zakaria bin Khalid (2007) : Lagu-Lagu Tarian Sewang Di Kalangan Masyarakat Orang Asli: Tinjauan Dari Aspek Intrinsik. Kuala Lipis, Pahang
- Ruslina Ibrahim ( 2012) : Kajian Dan Trend Dalam Bidang Homeschooling Dari Tahun 2000 Hingga 2012: Analisis Kandungan Kajian Homeschooling Dalam Jurnal Terpilih: Universiti Of Malaya, Kuala Lumpur
- Idayu Binti Abdul Said, Mohd Nazri Abdul Rahman (Ph.D): Analisis Kandungan Terhadap Aktiviti Seni Bagi Pendidikan Awal Kanak-Kanak Dalam Jurnal Terpilih Dari Tahun 2010-2016

<http://www.jakoa.gov.my/orang-asli/info-orang-asli/pengenalan-orang-asli/>